

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

STU431 - Dasar Perancangan Sosial

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT daripada enam soalan berikut. Soalan-soalan (1) dan (2) WAJIB dijawab. Setiap soalan mempunyai markah maksimum yang sama.

1. [a] Apakah yang anda fahami dengan dasar sosial?
[b] Senaraikan 8 contoh dasar sosial yang terdapat atau akan diadakan di Malaysia.
[c] Pada pendapat anda, mengapa dasar (atau dasar-dasar) sosial diperlukan?
[d] Apa hubungan di antara dasar sosial dengan perancangan sosial?

[25 markah]

2. Terdapat dua tipologi atau klasifikasi umum dalam melihat proses perancangan yang telah dibincangkan semasa kuliah. Huraikan salah satu daripada tipologi tersebut dengan memberi keterangan ringkas tentang setiap model berkaitan.

[25 markah]

3. Huraikan perhubungan di antara dasar sosial dengan kelas sosial.

[25 markah]

...2/-

[STU 431]

4. Diana Conyers antara lain merumuskan bahawa perancangan sosial di Dunia Ketiga lebih merupakan sebahagian daripada perancangan pembangunan. Hal ini dikatakan berbeza dengan konsep perancangan sosial di negara-negara kapitalis barat di mana perancangan sosial lebih tertumpu kepada aspek-aspek "kebijakan masyarakat". Secara ringkas tetapi jelas, berikan komen atau kritikan anda terhadap rumusan tersebut.

[25 markah]

5. Dalam perancangan sosial terdapat satu aliran pendapat yang mengatakan bahawa perancangan merupakan bidang (domain) golongan profesional, manakala satu aliran pendapat lagi menyeru kepada penyertaan masyarakat dalam perancangan. Sementara profesionalisme sering dihubungkan dengan elitisme (elitism), penyertaan masyarakat pula dikaitkan dengan ketidakcekapan (inefficiency). Sila bincangkan kontroversi ini dalam 2 - 3 halaman dengan mengemukakan pendapat serta hujah-hujah anda.

[25 markah]

6. Dengan mengambil contoh dua dasar sosial yang anda selidiki atau ikuti dalam kursus ini, sila huraikan secara ringkas tetapi jelas aspek-aspek berikut:

- [a] tujuan/matlamat dasar
- [b] ciri-ciri penting dasar (termasuk program dan strategi)
- [c] kekuatan dan kelemahan dasar (pada pandangan anda)

[25 markah]